From: Jabatan Komunikasi Korporat
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: ALUMNI MAI BALIK UUM 2.0 PERKUKUH HUBUNGAN ALUMNI DAN UNIVERSITI
Date: Sunday, 6 September, 2026 8:39:40 AM
Attachments: image002.png
image003.png

Jabatan Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia

UUM TODAY

UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA | THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY

6 SEPTEMBER 2026 / 24 RABIULAWAL 1448H
==========

Oleh: Noor Zafiera Ahmad Idris
Gambar oleh: Shamsaimi Ezil

ALUMNI MAI BALIK UUM 2.0 PERKUKUH HUBUNGAN ALUMNI DAN UNIVERSITI



UUM ONLINE: Pusat Alumni Universiti Utara Malaysia (UUM) menganjurkan Majlis Kenduri Alumni Mai Balik UUM 2.0: '*The Legacy of Giving*' dengan penyertaan 20 kenderaan konvoi alumni, sekali gus menyemarakkan lagi penganjuran program yang menghimpunkan alumni bagi memperkukuhkan hubungan berterusan dengan alma mater.

Naib Canselor UUM, Prof. Dr. Ahmad Martadha Mohamed berkata, kepulangan alumni ke UUM bukan sekadar untuk mengenang kenangan lalu, sebaliknya menjadi simbol hubungan yang terus terjalin serta peluang untuk bersama-sama membina masa hadapan universiti.



Dalam ucapannya, beliau menegaskan bahawa kepulangan alumni ke UUM bukan sekadar untuk mengenang kenangan lalu, sebaliknya menjadi simbol hubungan yang terus terjalin serta peluang untuk bersama-sama membina masa hadapan universiti.

Menurutnya, *Alumni Learning and Training Centre* (ALTRAC) bukan sekadar sebuah ruang fizikal, tetapi berperanan sebagai ruang pertemuan, perkongsian ilmu dan platform untuk alumni kembali menyumbang kepada universiti.

Beliau turut menggalakkan alumni memanfaatkan kemudahan ALTRAC bagi menjalankan pelbagai aktiviti bersama pelajar, termasuk berkongsi pengalaman, membimbing serta membuka ruang jaringan dan peluang kepada mereka.



“Datanglah ke UUM. Gunakanlah kemudahan yang telah disediakan. Bawalah pengalaman tuan-tuan dan puan-puan untuk dikongsikan dengan mahasiswa,” katanya dalam teks ucapan yang dibacakan oleh Penolong Naib Canselor UUM CAS, Prof. Dr. Ts. Osman Ghazali, Jumaat lalu.

Dalam pada itu, majlis berkenaan turut menyaksikan penyerahan sumbangan daripada Alumni UUM Sarawak (AURAS) bernilai RM4,000 kepada UUM.



Dr. Ahmad Martadha turut menekankan bahawa penglibatan alumni boleh diperluaskan melalui pelbagai platform termasuk aktiviti akademik, kebajikan, keusahawanan, sukan, rekreasi dan komuniti.

Beliau berharap agar Mai Balik UUM 2.0 menjadi titik permulaan kepada lebih banyak program dan kolaborasi antara alumni, pelajar dan universiti pada masa akan datang, sekali gus menjadikan ALTRAC sebagai pusat yang aktif dengan perkongsian ilmu, interaksi, aktiviti dan sumbangan alumni.

UUM OFFICIAL
uumtoday.com Universiti Utara Malaysia uumofficial uumnews uumtube uuminfo uumofficial
ukkuum@uum.edu.my 04-928 3039 | 3040 | 3043 | 3097 | 3056

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.